

Lantai rumah terbelah dua

Penduduk bimbang kawasan diancam hakisan tanah yang teruk

SITI NADIAH AHMAD ZAMLUS

BAYAN LEPAS - Seramai 20 penduduk di Kampung Bukit di sini, diancam hakisan tanah yang teruk sehingga menyebabkan beberapa rumah sudah mula retak.

Kawasan yang terletak di Lot 158 itu juga diancam tanah runtuh sekiranya hujan lebat berlaku dalam masa terdekat.

Penduduk, Hishamudin Abdul Majid, 40, berkata, lantai rumahnya ibarat 'terbelah' dua setelah hujan berterusan selama dua hari sejak dua minggu lalu.

Menurutnya, kini dia bimbang rumahnya akan runtuh dan paling ditakutinya apabila terdapat sebuah sungai kecil yang terletak bersebelahan.

"Tak pernah rumah saya retak teruk, sekarang ketika bekerja pada waktu malam saya asyik teringatkan anak-anak di rumah," katanya.

Batu besar pecahkan dapur

Zainul Abidin Zakaria, 79, yang sudah menetap hampir 50 tahun di perkampungan berkenaan mengakui ia kejadian pertama berlaku di kampungnya.

Dia tidak menafikan pembangunan yang semakin pesat menyebabkan kejadian hakisan tanah berlaku di situ.

Menurutnya, terdapat sebuah pembinaan rumah mewah di bahagian atas bukit berhampiran dengan perumahan penduduk.

Bukan itu saja, sebuah lagi kawasan pembinaan rumah banglo mewah juga berada di bahagian belakang kawasan perkampungan.

"Sejak dua tahun pembinaannya pelbagai masalah berlaku, antara kejadian paling menakutkan ialah apabila batu besar jatuh dari bahagian atas bukit dan hampir memusnahkan bahagian dapur rumah saya.

"Sekarang batu-batu kecil sedikit demi sedikit jatuh, ini semuanya disebabkan air yang mengalir sudah tidak menentu sejak pembangunan berlaku," katanya.

Projek rumah mewah tutup sungai dengan konkrit

Tinjauan mendapati, projek perumahan mewah yang terletak di bahagian belakang kampung menutup sungai kecil berkenaan dengan konkrit.

Walaupun airnya masih mengalir, namun keadaan asal sungai sudah berubah dan diibaratkan seperti longkang besar.

Alawiyah Taha, 60, berkata, kemungkinan air sungai meresap ke tempat lain sehingga menyebabkan



Bahagian tepi rumah penduduk sudah mula retak dan dibimbangi akan masuk ke dalam kawasan sungai.

bukit di sebelah rumah penduduk kampung sudah terhakis.

"Kami sendiri hairan bagaimana rumah boleh retak dan sudah pasti ia disebabkan keadaan alam sekitar

yang sudah tidak menentu ini.

"Saya takut sekiranya tanah di sebelah rumah ini runtuh dan sekarang kami hidup dalam ketakutan.

Peruntukan tahun depan

Bimbang dengan kejadian berkenaan, penduduk membuat aduan kepada Jabatan Pengairan Saliran (JPS) Pulau Pinang.

Namun awal-awal lagi JPS memaklumkan pihak mereka tidak mempunyai peruntukan, demikian menurut Ahmad Sabri Taha, 63.

Bagaimanapun beberapa pegawai daripada jabatan berkenaan sudah turun padang dan melihat kejadian yang berlaku.

JPS akan siasat

Dalam pada itu, *Sinar Harian* cuba menghubungi pegawai JPS Pulau Pinang di Komtar dan dimaklumkan pihak mereka tidak

mengetahui hal berkenaan, namun akan cuba menyiasat maklumat tersebut kepada JPS Bahagian Barat Daya.


"Memang kami tidak tahu mengenai kes hakisan tanah ini, namun saya akan terlebih dahulu mendapatkan maklumat daripada pegawai yang berkenaan," katanya.

Tiada aduan penduduk

Sementara itu Adun Bayan Lepas, Nordin Ahmad juga akan cuba menyiasat aduan hakisan tanah berkenaan.

Namun menurutnya, sehingga kini tidak ada penduduk yang datang membuat aduan kepada pihaknya.

"Saya mengalu-alukan sekiranya ada aduan mengenai kes hakisan tanah ini, ia kerana memandangkan sebelum ini ada kejadian tanah runtuh di Kampung Seronok, kalau boleh segera buat aduan," katanya.



Batu kecil ini sedikit demi sedikit jatuh ke rumah penduduk.



Penduduk menunjukkan rumah yang retak berlaku dalam tempoh dua hari ketika waktu hujan.



Dari jauh boleh dilihat pemaju perumahan mewah di belakang rumah penduduk cuba menutup sungai dengan konkrit.